

20 MAR 1996

Salleh-pindaan

LAPORAN AWAL PINDAAN NEGERI SABAH SUDAH SIAP

KOTA KINABALU, 20 Mac (Bernama) -- Laporan awal cadangan pindaan Perlembagaan Sabah sudah siap dan akan dibincangkan oleh kabinet negeri tidak lama lagi, kata Ketua Menteri, Datuk Mohd Salleh Said Keruak hari ini.

Katanya beliau sudah menerima laporan itu dari Peguam Negeri Sabah, Datuk Stephen Foo dan memintanya (Foo) membincangkan laporan itu bersama Peguam Negara.

"Sama ada ia dapat dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri bulan depan bergantung kepada keadaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet di sini.

Beliau berkata walaupun pindaan itu urusan negeri, tetapi kerana ia cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ia juga adalah masalah negara dan Peguam Negara perlu dihubungi dalam perkara ini.

Katanya pindaan itu mengambil kira semua perkara berhubung kuasa Ketua Menteri dan akan melibatkan pindaan terhadap enakmen dan ordinan berkaitan.

Beliau berkata cadangan pindaan itu secara asasnya bertujuan mengetatkan sistem yang sedia ada dan melaksanakan prinsip tanggungjawab bersama.

Salleh berkata jawatankuasa kabinet yang dipengerusikan beliau sendiri sedang mengkaji urusan hutan, penguatkuasaan undang-undang dan mencegah pembalakan haram.

Masalah kekurangan kakitangan di Jabatan Perhutanan juga akan diambil kira dalam kajian ini, katanya.

Beliau diminta mengulas kenyataan Pembantu Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Encik Abdul Rahim Ismail, Isnin lepas, yang meminta pembalakan menghenti pendekatan pembalakan secara "tebang dan lari" di negeri ini.

Ketika merasmikan seminar "Teknologi Penebangan dan Standard bagi Pengurusan Hutan Berterusan" di Sandakan, Abdul Rahim berkata kegiatan menebang balak secara berleluasa di Sabah sudah mengatasi norma yang boleh diterima.

Berikutan kenyataan itu, seorang aktivis alam sekitar tempatan, Encik Henry Chok pula meminta kerajaan mengkaji semula sistem pengurusan sumber hutan untuk mengawal alam sekitar daripada musnah.

Mengenai penyertaan Sabah dalam sebuah syarikat penerbangan baru, Saeaga Air Sdn. Bhd., Salleh berkata kerajaan negeri masih berpegang kepada Memorandum Persefahaman yang ditandatangani dengan kerajaan Sarawak dan Ekran Air Sdn. Bhd. pada November tahun lepas.

Dalam persefahaman itu, kerajaan Sabah dan Sarawak masing-masingnya diperuntukkan ekuiti 40 peratus sementara bakinya dipegang oleh Ekran Air, sebuah syarikat penerbangan kepunyaan seorang peniaga terkemuka, Tan Sri Ting Pek Khiing.

Ekuiti kerajaan Sabah dan Sarawak akan dimasukkan melalui syarikat penerbangan masing-masing, Sabah Air Sdn. Bhd. dan Hornbill Skyway Sdn. Bhd.

"Setakat ini kita pegang dulu 10 peratus ekuiti dalam Saeaga Air sehingga kita dapat mengisi sepenuhnya pegangan 40 peratus seperti yang dicadangkan," katanya.

Katanya memorandum persefahaman itu sangat umum dan kerajaan perlu mengkaji semua aspek termasuk soal modal berbayar dan cara melaksanakannya dalam bentuk ekuiti. -- Bernama.

OPP AHH

